

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada SRC International membayar RM40 juta pada Disember 2012 dan RM10 juta pada Februari 2013 kepada Ihsan Perdana melalui anak syarikatnya Gandingan Mentari. Adakah *Memorandum and Articles of Association* SRC memerlukan kelulusan bertulis Perdana Menteri untuk segala transaksi utama.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pihak berkuasa lain masih lagi menjalankan siasatan ke atas perkara ini. Justeru itu, adalah tidak wajar untuk mana-

mana pihak memberikan sebarang komen mengenai perkara ini agar tidak mengganggu proses siasatan tersebut.

Semua transaksi utama SRC tidak memerlukan kelulusan bertulis daripada Perdana Menteri. Artikel 116 dalam *Memorandum and Articles of Association (M&A) SRC* (dengan izin) hanya menetapkan perkara-perkara berikut yang memerlukan kelulusan bertulis daripada Perdana Menteri:

- a. Pindaan M&A; dan
- b. Pelantikan dan penamatan Pengarah serta pengurusan tertinggi Syarikat,